

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

12. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan dalam meluaskan kawasan tarikan pelancongan di Negeri Pulau Pinang? Jika ada, sila nyatakan kawasan-kawasan pelancongan yang baru yang ingin ditonjolkan dalam industri pelancongan.

**YB. YEOH SOON HIN MENJAWAB BAGI PIHAK YAB. KETUA
MENTERI**

12. Kerajaan Negeri merancang untuk meluaskan kawasan tarikan pelancong di Pulau Pinang dan kawasan pelancongan baharu yang ingin ditonjolkan dalam industri pelancongan adalah seperti berikut:
- (a) Kawasan "*Boulder Valley*" di Teluk Bahang di mana Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan aktiviti Glamping yang membolehkan para pelancong menikmati pengalaman alam semula jadi dengan penginapan moden dan selesa tanpa merosakkan alam sekitar dan sistem ekologi.
 - (b) Kawasan pesisiran Sungai Juru di mana Kerajaan Negeri bercadang membangunkan sebuah projek pelancongan dengan kerjasama pihak swasta. Projek ini diilhamkan dengan konsep pameran ekopelancongan melalui pertanian hijau, amalan hijau dan juga sebagai pusat penyelidikan dan pendidikan.

- (c) Kawasan Pantai Robina di mana Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan Pantai Robina Eco Park. Taman ini akan dilengkapi dengan laluan trek basikal, kawasan permainan kanak-kanak, lampu hiasan solar, gelanggang kasut roda dan tapak futsal.

Kerajaan Negeri juga berhasrat untuk mewujudkan sebuah Pelan Induk Pelancongan Negeri Pulau Pinang yang menggariskan akan hala tuju dan rancangan pembangunan pelancongan di Pulau Pinang yang turut akan mengenalpasti kawasan atau produk pelancongan yang baharu. Pada masa ini, Kerajaan Negeri sedang dalam proses pengumpulan data dan di peringkat awal penyediaan pelan induk tersebut.